

05/02/2003

Pemuda Umno ada bukti bantuan SAR disalah guna

Hassan Omar

KUALA LUMPUR: Pemuda Umno mempunyai bukti kukuh mengenai penyelewengan Pas

yang menyalahgunakan bantuan per kapita Sekolah Agama Rakyat (SAR) untuk pelbagai program propaganda parti itu.

Pas dikesan menyeleweng bantuan per kapita untuk membuat tohmahan dan fitnah terhadap kerajaan yang bertujuan mempengaruhi pelajar SAR supaya membenci kerajaan, kata Naib Ketua Pemuda Umno, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir.

Sehubungan itu, Pemuda Umno akan mendedahkan penyelewengan berkenaan, sekali gus memberikan penjelasan kepada rakyat mengenai tindakan Pas memperalatkan SAR.

Pendedahan akan dibuat dalam tempoh satu hingga dua minggu lagi berdasarkan bukti kukuh daripada pelbagai sumber yang dimiliki Pemuda Umno.

Abdul Aziz berkata, setakat ini Pemuda Umno sudah memperoleh beberapa bukti kukuh berhubung perkara berkenaan dan akan mendedahkannya apabila kajian daripada aspek perundangan selesai dilaksanakan.

"Kami akan mendedahkan tindakan Pas menyalahgunakan bantuan per kapita SAR untuk menggerakkan kegiatan politik. Mereka bukannya menggunakan bantuan itu untuk memelihara kebajikan pelajar SAR, sebaliknya untuk kepentingan politik.

"Pas sengaja menggunakan isu SAR sebagai bahan politik mereka. SAR adalah satu daripada aspek yang kami berikan tumpuan kerana ia berkait rapat dengan masyarakat Melayu. Segala serangan dan fitnah Pas berhubung perkara ini akan kami patahkan," katanya kepada Berita Harian ketika dihubungi semalam.

Beliau yang diminta mengulas lanjut mengenai bukti penyelewengan itu bagaimanapun berkata, setakat ini usaha mengumpulkannya sedang giat dilaksanakan dan akan didedahkan dalam tempoh terdekat.

Kerajaan menghentikan sementara bantuan per kapita SAR pada November lalu. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mengumumkannya berkata, langkah itu kerana SAR dikesan digunakan pembangkang untuk kepentingan politik hingga ada pelajar dipengaruhi supaya membenci Kerajaan.

Sehubungan itu, Pas melancarkan gerakan menyelamatkan SAR dengan mengutip derma daripada orang ramai. Bagi peringkat negeri Kedah, Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat melancarkannya di sebuah SAR di Guar Chempedak, dekat Yan, pertengahan Disember lalu.

Selain itu, dalam siri ceramah di seluruh negara, pemimpin Pas menuduh kerajaan bertindak demikian bukan sebagai tindakan sementara, tetapi untuk menamatkan institusi pendidikan Islam yang dipelopori ulama sekolah pondok sejak sebelum merdeka.

Abdul Aziz yang juga Ketua Pemuda Umno Kedah berkata, Pemuda Umno tidak bimbang dengan tindakan Pas mengedarkan kira-kira 5,000 risalah mengenai SAR di Alor Star kelmarin.

Katanya, Pemuda Umno yakin masyarakat tidak terpengaruh dengan risalah

berkenaan berikutan pelbagai penjelasan yang diberikan kerajaan berhubung

langkah menghentikan sementara bantuan per kapita SAR.

"Bagi mematahkan serangan Pas itu, Pemuda Umno akan menganjurkan program

penjelasan di lima Umno bahagian setiap bulan.

"Kami sudah mengatur ceramah politik di lima bahagian setiap bulan.

Kami

akan menjelaskan kerajaan tidak berniat untuk menutup SAR, sebaliknya ingin menghentikan eksploitasi pembangkang terhadap SAR," katanya.

Kelmarin, Pas yang diketuai Setiausaha Agungnya, Nasharuddin Mat Isa dan

Ketua Dewan Pemuda Pas Pusat, Mahfuz Omar mengedarkan risalah berkenaan di

sekitar Pekan Rabu, Alor Star.